

Arca Putrajaya mercu pelancongan baharu

UM-1/1/2019 wfs:3

PUTRAJAYA 31 Dis. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Arca Putrajaya di Dataran Putra, Presint 1 di sini yang menjadi antara mercu tanda baharu pelancongan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Arca Putrajaya didirikan di lokasi strategik iaitu membelakangi Bangunan Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri.

Reka bentuk arca yang merupakan manifestasi keutuhan Putrajaya sejak wilayah ini dibangunkan pada 1995 itu diinspirasikan oleh kumpulan pegawai muda Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam usaha mewujudkan mercu tanda seperti arca-arca

luar negara sekali gus menjadi tarikan pelancong.

Arca itu direka dengan imej grafik abstrak berwarna-warni bercorak harmoni bagi menzahirkan elemen kegembiraan dan uniknya, imej itu boleh ditukar-tukar mengikut musim tertentu termasuk bulan kemerdekaan serta musim perayaan.

Bahagian belakang huruf-huruf itu pula berimej kibar Jalur Gemilang menggambarkan semangat cintakan negara.

Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, Dr. Mahathir menzahirkan ucapan tahniah kepada pihak perbadanan berhubung inisiatif arca berkenaan.



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama warga kerja Perbadanan Putrajaya dengan berlatarbelakangkan arca Putrajaya di Dataran Putra, semalam. - **BERNAMA**